

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]

SOALAN NO. 219

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dalam jadual jumlah rumah-rumah orang tua swasta mahupun Kerajaan yang terdapat di kawasan Kuching, kategorikan mengikut kapasiti, jumlah terkini yang tinggal disitu. Bagi yang Kerajaan, jumlah peruntukan sejak 2013 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat komited dan akan terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan warga emas bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut ke arah penuaan sihat, aktif dan produktif.

Perkhidmatan penjagaan institusi kepada warga emas terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu institusi kebajikan di bawah kendalian Kerajaan dan pusat jagaan di bawah kendalian pihak swasta atau Badan Bukan Kerajaan.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan institusi warga emas iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE) untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Terdapat 9 buah RSK di seluruh Malaysia. Sehingga Disember 2018, seramai 1,499 warga emas tinggal di RSK.

RE disediakan untuk warga emas yang sakit dan uzur bagi memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan dalam suasana yang selesa dan tenteram. Sehingga Disember 2018, seramai 212 warga emas tinggal di RE.

Bagi kawasan Kuching terdapat **sebuah** Rumah Orang Tua iaitu RSK Kuching yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak menempatkan seramai **72** warga emas iaitu 41 lelaki dan 31 perempuan (sehingga Disember 2018).

Sehingga Disember 2018, terdapat **7** buah Rumah Orang Tua kendalian swasta yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 menempatkan seramai **57** warga emas. Manakala **2** buah Rumah Orang Tua kendalian

SOALAN NO. 219

Badan Bukan Kerajaan menerima Bantuan Kewangan Kerajaan menempatkan seramai **58** warga emas di kawasan Kuching.